

**NO. SOALAN: 42**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN JULIAN TAN KOK PING [ STAMPIN ]**

**TARIKH : 10 MAC 2015**

**RUJUKAN : 7695**

**SOALAN:**

**Tuan Julian Tan Kok Ping [ Stampin ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah serta jenis kes yang dikenakan siasatan atas *Sedition Act* setelah ia dikenalpasti baru-baru ini. Dalam senarai, kategorikan juga ahli politik serta aktivis yang akan disiasat mahupun sedang disiasat.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kerajaan tidak pernah menyekat kebebasan rakyat untuk bersuara tetapi kebebasan bersuara itu bukanlah satu jaminan mutlak yang membenarkan sesiapa pun untuk memberikan kenyataan yang menyentuh sensitiviti dan menyinggung perasaan mana-mana individu, kaum atau agama. Ini kerana ianya mampu menjasaskan keharmonian dan kemakmuran yang kita kecapi selama ini lebih-lebih lagi negara kita merupakan sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum dan agama.**

**Berdasarkan rekod Polis DiRaja Malaysia sejak 1 Januari 2015 hingga 22 Februari 2015, terdapat 14 kes telah disiasat di bawah Akta Hasutan 1948. Majoriti individu-individu yang disiasat di bawah Akta ini adalah aktivis dan 2 orang ahli politik. Dalam tempoh ini, sebanyak 1 kes hasutan berkaitan keagamaan, 1 kes berkaitan Sabah-Sarawak dan 7 kes hasutan berkaitan dengan lain-lain perkara.**

**Walau bagaimanapun, saya tidak bercadang untuk mendedahkan maklumat lanjut berkenaan kes-kes tersebut memandangkan ianya masih lagi dalam siasatan pihak Polis.**